

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pemfaktoran. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran (“LO”) dan Perjanjian Kemudahan. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank (M) Berhad Pemfaktoran Tarikh: 30 November 2023</p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------

### 1. Apakah yang saya perlu ketahui mengenai produk ini?

Pemfaktoran ialah hubungan perundangan berterusan antara institusi kewangan (“Faktor”) dan Penjual (“Klien”) yang menjual barang/perkhidmatan secara kredit kepada Pembeli (“Pelanggan”) mereka di mana Klien menyerahkan hasil kutipan belum terima kepada Faktor untuk membolehkan Faktor membeli belum terima, mentadbir lejer jualan dan memantau kredit yang ditawarkan kepada Pelanggan.

Bank menawarkan 3 jenis kemudahan Pemfaktoran: -

- Pemfaktoran Rekursa Domestik (“DRF”)

DRF ialah kemudahan di mana berhubung dengan jualan belum terima oleh Klien, Bank bersetuju untuk membuat bayaran awal yang dipersetujui kepada Klien dan bayaran baki tolak caj akan dilepaskan kepada Klien setelah menerima bayaran penuh daripada Pelanggan.

- Penyelenggaraan Lejer Jualan (“SLM”)

SLM ialah kemudahan di mana belum terima diserahkan kepada Bank untuk mentadbir lejer jualan dan memantau kredit yang diberikan kepada Pelanggan. Tiada bayaran awal yang dibuat kepada Klien di bawah SLM. Bank membayar hasil kutipan belum terima kepada Klien apabila menerima bayaran daripada Pelanggan.

- Pemfaktoran Sandar-Menyandar (“BTBF”)

BTBF ialah kemudahan di mana belum terima diserahkan kepada Bank untuk mentadbir hasil kutipan belum terima antara Klien dengan pihak ketiga yang mungkin mempunyai DRF atau SLM dengan Bank. Tiada bayaran awal yang dibuat kepada Klien di bawah BTBF. Bank membayar hasil kutipan belum terima kepada Klien dan/atau pihak ketiga menurut aturan yang dipersetujui.

### 2. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?

- Tertakluk pada terma kemudahan Pemfaktoran menurut LO yang dikeluarkan oleh Bank kepada anda, anda akan menerima pengaturan di bawah Pemfaktoran seperti yang dirumuskan dalam jadual di bawah:

Jenis Pemfaktoran	DRF	SLM	BTBF
Tujuan	Untuk membeli belum terima yang diluluskan yang membolehkan anda mendapat pendahuluan yang dipersetujui daripada Bank sehingga had kemudahan DRF sebelum Pelanggan melunaskan bayaran	Untuk menyediakan perkhidmatan kutipan bagi belum terima di mana Bank akan mentadbir lejer jualan dan memantau kredit yang ditawarkan kepada Pelanggan	Untuk menyediakan perkhidmatan kutipan bagi akaun belum terima yang melibatkan pihak ketiga yang mungkin mempunyai DRF atau SLM
Mata Wang	Ringgit (“RM”)	RM	RM
Peratusan Bayaran Awal	Sehingga 80% nilai belum terima	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan
Caj Bayaran Awal	Terpancang pada Kadar Pinjaman Asas yang dihitung pada baki harian atas dasar akruan	Tidak Berkenaan	Tidak Berkenaan

Rekursa	Terhadap Penjual	Tidak Berkekaan	Tidak Berkekaan
Tempoh Rekursa	Sehingga tempoh yang diluluskan	Tidak Berkekaan	Tidak Berkekaan
Tempoh Pemulihan	7 hari dari tarikh Notis Beli Semula	Tidak Berkekaan	Tidak Berkekaan

### 3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

- Memastikan kontrak yang anda ikat dengan Pelanggan tidak melarang penyerahan hasil kutipan kontrak. Anda perlu mendapatkan persetujuan sekiranya penyerahan hasil sedemikian memerlukan persetujuan Pelanggan.
- Memohon Kemudahan Pemfaktoran dan memastikan kemudahan adalah tersedia dan had mencukupi untuk pengeluaran pinjaman.
- Menyerahkan surat pemberitahuan (“LON”) kepada Pelanggan anda tentang penyerahmilikan akaun belum terima dalam format yang diiktiraf oleh Bank. Kemudian arahkan mereka agar mengirimkan wang bayaran akaun belum terima kepada Bank pada tarikh matang dan dapatkan bukti terima mereka.
- Memastikan Pelanggan dan dokumen sokongan adalah asli dan terdapat pemindahan barangan atau perkhidmatan yang diberikan.
- Memastikan untuk memfaktorkan semua invois/akaun belum terima di bawah aturan Pemfaktoran kepada Bank, tidak kira anda memerlukan pendahuluan atau tidak bagi membolehkan Bank mengetahui semua akaun belum terima yang bakal tamat tempoh daripada Pelanggan.
- Memastikan untuk meletakkan cop Pemfaktoran pada invois Pelanggan bagi mengingatkan mereka bahawa invois tersebut adalah di bawah aturan Pemfaktoran dengan Bank.
- Memindahkan bayaran yang diterima daripada Pelanggan kepada Bank dengan segera sekiranya Pelanggan telah tersilap membuat bayaran kepada anda.
- Membenarkan pembayaran Pemfaktoran yang belum dijelaskan dengan menggunakan hasil kutipan yang diterima daripada Pelanggan.
- Membeli semula akaun belum terima yang dipertikai/tamat tempoh dalam masa 7 hari dari tarikh notis beli semula disampaikan oleh Bank.
- Memastikan dana akaun anda mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun anda di Bank untuk sebarang caj, komisen, yuran dan/atau belanja tunai langsung Bank berhubung dengan pembiayaan Pemfaktoran termasuklah pembayaran pada tarikh matang sekiranya Pelanggan tidak membuat bayaran.
- Memastikan tiada kaedah pembiayaan lain yang diperolehi untuk transaksi yang sama.

### 4. Apakah harga, yuran dan caj yang dikenakan?

No.	Harga	Kadar
1	Caj Bayaran Awal	Mengikut LO

No.	Yuran dan Caj	Tarif
1	Caj Pemfaktoran	0.1% sahaja dari nilai kasar akaun belum terima yang difaktorkan
2	Permohonan penyata oleh Pelanggan	RM20 bagi setiap penyata
3	Yuran perkhidmatan pengutukan	RM50 sahaja bagi setiap bayaran
4	Pengeluaran Surat Penarikan Pemberitahuan	RM20 sahaja
5	Bayaran pemindahan (IBG/ RENTAS)	RM2 sahaja

Harga, yuran atau caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

**5. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?**

- Jika pembiayaan Pemfaktoran tidak dilunaskan sepenuhnya pada tarikh matang, Bank akan mengenakan caj yuran tertunggak menurut kadar yang dinyatakan dalam LO mulai tarikh matang sehingga tarikh bayaran penuh dilunaskan.
- Sekiranya akaun Pemfaktoran anda masih tertunggak selepas 3 bulan, status kemudahan-kemudahan kredit anda di Bank akan dikategorikan sebagai pinjaman tak berbayar.
- Bank akan menggantung penggunaan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada anda.
- Bank boleh menggunakan haknya dan memulakan proses pemungutan/tindakan undang-undang yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, prosiding kemuflihan/penggulungan (jika jumlah tunggakan mencapai had tertentu). Aset anda mungkin dibekukan dan disita sekiranya diisytiharkan muflihs/dikenakan penggulungan.
- Tindakan undang-undang ke atas anda juga mungkin menjejaskan tarat kredit anda yang menyebabkan pinjaman kredit anda lebih sukar atau mahal.
- Hak tolak selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank untuk melunaskan jumlah tunggakan mana-mana kemudahan di Bank. Walau bagaimanapun, jumlah tolak selesai akan diberitahu kepada anda sebelum dilaksanakan.

**6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?**

- Caj Bayaran Awal akan dikira sehingga tarikh pembayaran penuh.

**7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?**

- Tidak berkenaan.

**8. Apakah risiko utama?**

- Tiada pembayaran daripada Pelanggan anda.
- Menanggung Caj Bayaran Awal yang lebih tinggi akibat kelewatan pembayaran daripada Pelanggan.

**9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

- Penjamin harus disediakan sekiranya perlu.
- Cagaran harus disediakan sekiranya perlu dan mesti dapat diterima oleh Bank.

*Nota: Syarat di atas adalah bergantung pada kebolehpercayaan kredit anda.*

**10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi/memberi makluman secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

**11. Di manakah tempat untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan?**

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre  
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,  
Tel.: (603) 2178 8888  
E-mel: [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com)

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel.: 1-300-88-5465  
Faks: 03-2174 1515  
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,  
Menara Aras Raya  
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel.: 03-2616 7766  
E-mel: enquiry@akpk.org.my

## 12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran tentang manfaat, yuran dan caj, anda boleh melayari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com).

## 13. Lain-lain produk perdagangan yang tersedia: -

- |                                          |                                        |
|------------------------------------------|----------------------------------------|
| • Jaminan Bank                           | • Pembiayaan Invois                    |
| • Jaminan Bank Menerusi Kaunter          | • Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing |
| • Penerimaan Jurubank                    | • Pendahuluan Kredit Pembungkusan      |
| • Pembelian Bil Keluar Lansung           | • Resit Amanah Ringgit                 |
| • Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen | • Jaminan Perkapalan                   |
| • Pembiayaan Semula Kredit Eksport       | • Surat Kredit Tunggu Sedia            |

## **PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI**

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah dari 30 November 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk mendapatkan maklumat terkini.

Semua kiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

***Penafian: Kemudahan sebenar yang akan disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit anda yang dilakukan oleh Bank. Penghantaran helaian pendedahan produk ini kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.***

Saya/Kami mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....

Nama:

Nombor KP:

Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak .....

No. Pendaftaran:

.....

(Penandatanganan dibenarkan/Pengarah)

Tarikh: